

No. Sebut harga : **P-12/2025 ASET (KENDERAAN)**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

**PELUPUSAN ASET ALIH**

Kementerian atau Jabatan: **LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari **syarikat atau orang perseorangan** yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan (RM)
1.	Nissan X-Trail 4WD 2.5 AT No.Pendaftaran : BLX1980	1	5,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **13 Ogos 2025 hingga 26 Ogos 2025** di antara jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang di Ibu Pejabat, Lembaga Lebuhraya Malaysia beralamat di Wisma Lebuhraya, KM.6, Jalan Serdang-Kajang, 43000 Kajang, Selangor (Sila hubungi En. Haziq di talian 03-8738 3008).
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperoleh di alamat seperti di para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda No. Sebut harga **P-12/2025 ASET (KENDERAAN)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**Bahagian Kewangan & Pengurusan Aset  
Wisma Lembaga Lebuhraya Malaysia,  
KM6, Jalan Serdang-Kajang,  
43000 Kajang Selangor**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **27 Ogos 2025 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(Tandatangan Ketua Jabatan)

Alamat: **SUZAITEE BT. YUSOFF**  
Pengarah Kewangan & Pengurusan Aset  
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Tarikh: **12/8/2025**

Cop:



## **SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank sahaja atas nama **KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota : Syarat-syarat sebutharga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.